

Konsisten universiti tingkat ranking dalam QS

Oleh Meor Ahmad Nasriin Rizal Ishak
meor.ahmad@bh.com.my

Putrajaya

Konsisten dari segi pengajaran, penyelidikan dan kerjasama antarabangsa menjadi faktor lima universiti penyelidikan negara menunjukkan peningkatan dalam senarai Quacquarelli Symonds (QS) World University Ranking 2018/2019, baru-baru ini.

Lebih membanggakan, Universiti Malaya (UM) berjaya menduduki tempat ke-87 dengan melonjak 27 tangga daripada kedudukan ke-114, tahun lalu.

Berdasarkan senarai itu, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) menduduki tempat ke-184 meningkat 46 tangga daripada kedudukan ke-230, Universiti Putra Malaysia (UPM) (202), Universiti Sains Malaysia (USM) (207), Universiti Teknologi Malaysia (UTM) (228).

Naib Canselor UM, Datuk Dr Abdul Rahim Hashim, berkata kejayaan itu berdasarkan komitmen semua kakitangan UM dan dedikasi mereka ke arah mencapai matlamat yang ditetapkan dalam rancangan strategik universiti untuk mengukuhkan asasnya, khusus dalam pengajaran, penyelidikan dan kerjasama antarabangsa.

“Analisis keputusan ranking menunjukkan peningkatan dicapai melalui tiga faktor, iaitu reputasi akademik, reputasi majikan dan sitasi setiap fakulti yang berjaya melonjak universiti itu pada kedudukan 100 universiti terbaik.

Budaya kecemerlangan

“Dua daripada faktor berkenaan adalah penunjuk reputasi universiti dalam kalangan masyarakat akademik dan majikan masing-masing serta yang ketiga adalah pengukuran kepada impak terhadap penerbitan yang dihasilkan,” katanya.

Peningkatan pesat iaitu



Dr Abdul Rahim

sebanyak 80 tangga sejak 2014, mengiktiraf UM dalam sembilan peratus teratas daripada 1,011 institusi yang disenaraikan oleh QS World University Ranking 2018/2019.

Di peringkat global pula, UM berada dalam satu peratus teratas daripada kira-kira 26,000 universiti.

Sementara itu USM, satu-satunya universiti berstatus APEX berjaya berada dalam 21 peratus daripada 1,011 institusi pendidikan tinggi yang diberi penarafan oleh QS daripada 1,233 institusi yang



Prof Asma Ismail

dinilai di seluruh dunia.

Naib Canselor USM, Prof Datuk Dr Asma Ismail, berkata budaya kecemerlangan yang dipacu warga USM memainkan peranan signifikan ke arah pemerkasaan universiti.

“Kita (USM) menyedari Reputasi Akademik, Reputasi Majikan, Pelajar Fakulti (mengukur nisbah antara bilangan pensyarah dengan pelajar), Fakulti Antarabangsa dan Pelajar Antarabangsa adalah antara lima teras yang menjadi kekuatan USM.

“Sebagai contoh, nisbah



Prof Mohamed Mustafa

pelajar fakulti USM menunjukkan peningkatan secara signifikan sejak tiga tahun lalu walaupun dalam suasana ekonomi yang mencabar. “Kami akan sentiasa melambatkan yang terbaik dalam menyediakan pendidikan berkualiti dan pada masa sama memelihara kepentingan negara,” katanya.

Menjayakan agenda

Reputasi Akademik USM turut disenaraikan dalam kelompok ‘Top 200’ di dunia, manakala Reputasi Majikan dan nisbah Pelajar

Fakulti berada dalam kedudukan ‘Top 250’ dunia.

Selain universiti penyelidikan, Universiti Utara Malaysia (UUM) turut melonjak 100 anak tangga pada kedudukan 601-650 berbanding 701-750, Universiti Islam Antarabangsa (UIAM) (651-700) dan Universiti Teknologi MARA (UiTM) (751-800).

Naib Canselor UUM, Prof Datuk Seri Dr Mohamed Mustafa Ishak, berkata ranking itu berjaya menempatkan UUM sebaris dengan universiti terkemuka dunia antaranya University of Thammasat, Thailand, University of Canberra, Australia, University of Keele, United Kingdom dan City University of New York, Amerika Syarikat.

“Sejak disenaraikan buat kali pertama pada tahun 2016, UUM terus konsisten menunjukkan peningkatan tahun demi tahun.

“Kejayaan ini adalah hasil kerja keras seluruh warga UUM dengan berpancukan Pelan Strategik UUM yang diperkenalkan sejak tahun 2011 dan kini sudah pun memasuki fasa kedua 2016-2020,” katanya.

Beliau juga mengucapkan tahniah dan terima kasih kepada seluruh staf UUM yang terus memberi komitmen dalam menjayakan agenda penting universiti bagi memartabatkan universiti pada peringkat nasional dan juga global.